

Newspaper	Berita Harian
Date	5/8/2014

GST bantu pulih kredit negara

(BH-5/8/14)

» Pelaksanaan, rasionalisasi subsidi jamin pertumbuhan ekonomi mapan

Fitch Ratings berpendapat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan diperkenalkan pada April 2015, akan mengembangkan lagi asas pendapatan Malaysia, sekali gus membantu memulihkan profil kredit negara.

Agensi penarafan antarabangsa itu dalam laporannya baru-baru ini berkata, kerajaan negara ini bertekad mengurangkan defisit bajet yang mana jika dicapai akan menstabilkan dan akhirnya mengurangkan nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang berjumlah 54.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir 2013.

Namun begitu, ia berkata, GST itu sendiri mungkin tidak berupaya membolehkan negara mencapai sasaran pengurangan defisit bajet tiga peratus menjelang 2015 daripada 3.9 peratus pada 2013 dan 3.5 peratus 2014.

"Pendapatan tambahan atau kaedah perbelanjaan mungkin diperlukan," katanya.

Ia menjangkakan, GST akan menambah 0.2 mata peratusan kepada KDNK dalam tempoh setahun.

Percepat pengukuhan fiskal

Fitch berkata, ia masih tidak jelas sejauh mana GST akan mengukuhkan asas pendapatan Malaysia tetapi ia adalah agensi penarafan terkini yang berhujah mengenai kepentingan pelaksanaan GST dan



Pengenalan GST adalah baik untuk penarafan hutang negara.

[GAMBAR HIASAN]

langkah rasionalisasi subsidi bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Standard & Poor's Ratings Services pada bulan lalu berkata, rancangan Malaysia menstruktur semula sistem subsidi dan memperkenalkan GST akan mempercepatkan pengukuhan fiskal jika dilaksanakan.

Firma penyelidik lain berkata, langkah merasionalisasikan subsidi secara berterusan oleh kerajaan serta pengenalan GST adalah baik untuk penarafan hutang negara.

Sebarang perubahan dalam tinjauan penarafan hutang Malaysia pada masa depan bergantung kepada kejayaan pelaksanaan langkah kerajaan dalam mengurangkan defisit, kata penganalisis.

Mengenai kebimbangan yang diluahkan sesetengah perniagaan mengenai GST, penganalisis yang enggan mendedahkan namanya berkata, GST tidak boleh dianggap cukai berasingan kerana ia menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sedia ada.

GST akan dilaksanakan ber-

mula 1 April 2015 dan kadarnya ditetapkan pada enam peratus.

Dengan pelaksanaannya, SST sedia ada pada kadar 10 peratus dan enam peratus akan dimansuhkan.

Kerajaan sebelum ini berkata, rasional utama untuk memperkenalkan GST adalah untuk memodenkan sistem cukai negara dan untuk mengatasi ketidakcekapan sistem cukai tidak langsung. Di samping itu, GST juga akan menyediakan peluang untuk meningkatkan kemapanan fiskal.